

# Jom Masuk UMS dapat sambutan

UB 1516 /2011 93

Oleh HELVIA JAIMOL  
helviajaimol@gmail.com

**P**ROGRAM Jom Masuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat sambutan baik daripada masyarakat di mana selain dapat mendekatkan UMS dengan masyarakat tempatan, ia juga mampu menyemarakkan semangat pendidikan secara berterusan.

Dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, ia turut mendapat kerjasama Bahagian Perhubungan Korporat (BPK), Pusat Luar UMS (PLUMS) serta sekolah-sekolah, pusat dan institut.


Salah seorang peserta pameran wakil daripada



ADDLEY



NORAZMI



HANAFI

Sekolah Pengajian Seni (SPS) UMS, Addley Bromeo Bianus berpendapat kebaikan pameran berkenaan dapat memberikan maklumat

kepada masyarakat terutamanya kepada golongan yang ingin melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. "Kita mahu informasi

atau maklumat itu sampai kepada masyarakat bukan sahaja mereka yang tinggal di bandar tetapi juga bermanfaat bagi yang tinggal di luar bandar,"

Menurut Norazmi

katanya kepada *Utusan Borneo* ketika ditemui semasa pameran itu di Suria Sabah, Kota Kinabalu Sabtu lepas.

Sebagai contoh, kata Addley, SPS menawarkan kursus dalam peringkat sarjana secara penyelidikan dan belum lagi menawarkan kertas kerja.

Sebelum mendaftar, katanya, mereka perlu berjumpa dengan penyelia terlebih dahulu dan bertanya lanjut tentang bidang yang ingin dicebur.

Tambahnya, sambutan para pengunjung pada hari pertama agak menggalakkan di mana bilangan orang yang datang dicatatkan dalam buku pelawat.

Thomas Baran, 23, objektif pameran pendidikan pascasiswazah ini adalah salah satu langkah untuk memperkenalkan UMS kepada awam dan pada masa yang sama mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang terjalin antara dua pihak.

"Apa yang lebih penting, pameran kali ini bertujuan untuk menarik dan meningkatkan lagi jumlah bilangan pelajar melalui program Jom Masuk UMS terutamanya mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma siswazah, sarjana, sarjana falsafah dan doktor falsafah (PhD)," katanya.

Norazmi berkata, pelbagai acara menarik disediakan untuk orang

ramai antaranya sesi ceramah dan program mewarna kepada golongan kanak-kanak.

Peserta yang mewakili bahagian pascasiswazah, Mohd Hanafi Jumrah, 23, berkata program Jom Masuk UMS memberi peluang keada orang ramai mengetahui secara lanjut cara untuk mendaftar ke UMS.

"Contohnya, kita ada PLUMS yang mana mereka yang sudah bekerja juga boleh memohon untuk sambung belajar di UMS.

"Bagi mereka yang tidak sempat datang ke pameran ini, bolehlah melayari laman web [www.ums.edu.my](http://www.ums.edu.my) atau menghubungi talian pascasiswazah 088-488468," katanya.